

16/12/1999

Perak akan tumpukan kepentingan golongan belia

IPOH, Rabu - Kerajaan Perak akan memberi tumpuan utama terhadap kepentingan belia, termasuk merapatkan hubungan mereka dengan kerajaan sebagai pendekatan terbaru dalam pentadbiran negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata institusi belia di negeri ini akan diperkukuhkan supaya golongan itu lebih rapat dengan kerajaan, pemimpin dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Saya sendiri akan memberi lebih masa bagi mendekati belia di negeri ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pertama di sini, hari ini.

Tajol Rosli berkata, usaha merapatkan hubungan dengan golongan belia diambil selepas timbul kerisauan berhubung kecenderungan belia menyertai pergerakan anti kerajaan hingga memecahkan pola undi golongan itu terhadap Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lalu.

"Seperti yang disebut sebelum ini, yang kurang memberi sokongan terhadap kerajaan ialah golongan muda.

"Sehubungan itu, kita akan rapatkan hubungan dengan belia termasuk yang diwakili persatuan. Persatuan belia di negeri ini juga akan digerak dan diperkukuhkan," katanya.

Beliau berkata, langkah merapatkan hubungan dengan golongan belia juga membolehkan banyak masalah sosial termasuk pengangguran dan penyalahgunaan dadah dapat diatasi.

Sementara itu, Tajol Rosli mengumumkan arahan mewajibkan semua anggota Exco negeri mengisytiharkan aset dan harta serta melepaskan jawatan atau semua kepentingan dalam syarikat perniagaan.

"Laporan aset dan harta itu akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan dari sekarang," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga menetapkan semua anggota Exco menggunakan kenderaan rasmi dari jenis Proton Perdana Eksekutif (V6) menggantikan kenderaan mewah Mercedes Benz.

"Sebagai permulaan, empat anggota Exco baru akan menggunakan Proton Perdana. Manakala yang lain jika dibenarkan boleh membeli kenderaan rasmi yang digunakan apabila tamat tempoh berkhidmat sekurang-kurangnya empat tahun," katanya.

Tajol Rosli berkata, kelayakan semua anggota Exco baru mendapatkan kenderaan rasmi Proton Perdana sedang disemak oleh Pegawai Kewangan negeri.

Sementara itu, Tajol Rosli mengesahkan pelantikan bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Slim, Datuk Seri Junus Wahid sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak.

Beliau juga mengumumkan pelantikan Adun Buntong, Yik Phooi Hong sebagai Timbalan Speaker.

Tajol Rosli berkata, jawatan Timbalan Speaker diwujudkan berikutan perubahan pengendalian sidang DUN di mana persidangan akan dikendalikan tanpa henti selama tiga jam.

"Persidangan tidak akan berhenti rehat selama 30 minit seperti yang dilaksanakan sebelum ini," katanya.

(END)